

Bab 7 Semangat

minat	kerjasama	melawat	pujian	bersatu padu
-------	-----------	---------	--------	--------------

Encik Mansur selaku Penolong Pengarah Pembangunan Koperasi , Bahagian Fungsi Sekolah-sekolah telah _____ ke Kedai Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri, reban ayam telur dan bilik baca. Beliau memberikan _____ atas usaha dan _____ semua ahli lembaga pengarah koperasi sekolah itu. Dalam ucapan, beliau berharap agar koperasi sekolah dapat menyemai _____ berniaga, semangat bekerjasama, _____ dalam kalangan generasi muda.

Bab 8. Mempelajari Ilmu Perdagangan

mengulang kaji	nota	prinsip akaun	Perdagangan	menahan
----------------	------	---------------	-------------	---------

Di kelas Tingkatan 5C1, Cikgu Saiful, guru mata pelajaran _____ telah membincangkan kepentingan _____ kepada ahli perniagaan, tetapi Munir asyik mengganggu pelajar lain. Akhirnya Cikgu Saiful _____ Munir di dalam kelas untuk menyalin semua _____ sebelum pulang. Ramlah, Swee Lan, Saridevi, dan Rozita hendak pergi ke rumah Razali untuk _____ tentang prinsip akaun. Ketika Munir turut dari tangga, dia ternampak Ramlah dan kawan-kawannya bersama dengan Razali dengan muka yang masam.

Bab 9 Kerja Rumah

Mak Sopiah	sawah	tengah sawah	pondok	nyaman
------------	-------	--------------	--------	--------

Rumah Razali di pinggir. _____. Kedatangan Ramlah dan kawan-kawannya disambut oleh ibu Razali, _____ dengan mesra. Mak Sopiah menjemput mereka masuk ke dalam rumah. Bagaimana pun Razali mengajak mereka mengulang kaji di pondok yang terletak di _____. Ternyata di situ sungguh _____ dan sunyi. Mak Sopiah turut menghidangkan minuman dan pisang goreng untuk mereka di _____ itu.

Bab 10 Pengakuan

mengganggu	Bilik Kerjaya	kaunseling	Cikgu Muniam	sedar
------------	---------------	------------	--------------	-------

Munir dipanggil ke _____. Cikgu Zulkifli dan _____ selaku guru _____ dan guru kerjaya sekolah telah meminta Munir memberikan penjelasan tentang sikapnya yang suka _____ pelajar lain di dalam kelas dan selalu ponteng ketika menjalankan tugas di kedai koperasi. Munir tidak mengakui tuduhan itu. Setelah diberi nasihat, Munir mengaku tidak akan berbuat demikian lagi. Cikgu Zulkifli berharap agar Munir _____ akan kesalahannya.